

## Barang Curian Mengikut Pandangan Mazhab Sunnah

SABRI BIN ABDUL RAHMAN

### PENDAHULUAN

Sabitan terhadap sesuatu kesalahan atau jenayah mencuri adalah dilihat dari beberapa aspek seperti latar belakang pencuri, perbuatan atau tektik mencuri dan barang yang dicuri merupakan asas dalam penyiasatan kes curi. Jadi, tidaklah bermakna setiap perbuatan mengambil hak orang lain dengan sembunyi atau tanpa pengetahuan tuannya boleh diletakkan di bawah kuatkuasa hukuman hudud. Kertas ini bertujuan untuk membincangkan tentang barang yang dicuri sehingga yang dituduh mencuri boleh dikenakan hukuman potong tangan.

### PERBAHASAN MENGENAI BARANG CURIAN

Kalau dilihat dari kacamata Islam tidak semua barang atau harta yang dicuri itu dipandang berat lalu dikenakan hukuman yang berat juga, iaitu hukuman *hudud* terhadap penjenayah, tetapi ada juga kes-kes tertentu yang dipandang ringan oleh Islam sehingga terduduh dalam kes itu boleh terlepas daripada hukuman *hudud*. Ini menunjukkan bahawa barang-barang yang dicuri atau harta benda curian ada mempunyai ciri-ciri tertentu iaitu:

1. Barang yang dicuri bersifat harta yang boleh dialih.
2. Barang yang dicuri mencukupi kadar nisab.
3. Barang yang dicuri berada dalam hirznya (tempat simpanannya), dan
4. Barang yang dicuri tanpa kesamaran hakmilik.

Hasil daripada integrasi ciri-ciri seperti di atas menjadikan terduduh layak disabitkan atas kesalahan *hudud*. Oleh itu perbincangan lanjut mengenai tiap-tiap satu daripada ciri-ciri itu adalah seperti berikut.

### BARANG YANG DICURI BERSIFAT HARTA YANG BOLEH DIALIH

Disahkan wujud perbuatan yang dikatakan mencuri sekiranya barang atau benda yang dicuri bersifat harta yang boleh dialih seperti kain baju, barang-barang kemas dan lain-lain daripada jenis-jenis barang yang boleh dibawa pindah dari satu tempat ke satu tempat yang lain, tetapi bagi barang atau benda yang melekat pada bumi seperti rumah, pokok-pokok kayu, tanah dan sebagainya pada tabiatnya tidak boleh dicuri. Sungguhpun demikian sekiranya bahagian-bahagian tertentu daripada benda-benda tersebut (rumah, pokok kayu, tanah dan lain-lain) dapat dipisahkan dari bumi, maka dianggap termasuk dalam benda-benda yang boleh dicuri.<sup>1</sup>

Lantaran itu perbincangan mengenai sesuatu yang dikatakan harta akan merangkumi perkara-perkara berikut, (1) Pengenalan harta, (2) Syarat-syarat harta, dan (3) Benda-benda remeh.

#### PENGENALAN HARTA

Oleh kerana kes mencuri yang boleh diambil kira sebagai jenayah kesalahan hudud berpunca daripada pengambilan sesuatu hak/benda/barang yang dikatakan *harta*<sup>2</sup>, maka di sini perlulah difahami terlebih dahulu tentang harta itu sendiri.

Para ulamak berpendapat bahawa harta itu ialah tiap-tiap benda yang boleh dimiliki, bernilai dan boleh ditukar ganti dalam urusniaga serta menjadi suatu tanggung jawab bagi orang yang merosakkannya.<sup>3</sup> Jadi, sekiranya berlaku kecurian ke atas sesuatu yang tidak ditakrifkan sebagai harta seperti manusia, maka tidaklah boleh dikenakan hukuman hudud terhadap penjenayah yang terabit.

Secara umumnya benda-benda yang diharamkan pemilikannya oleh syariat seperti arak, babi, najis dan sebagainya tidak dikatakan sebagai harta, begitu juga dengan benda-benda yang dipandang remeh. Manusia pada umumnya tidak dianggap harta. Selain daripada itu harta yang boleh dicuri ialah harta yang boleh dialih sahaja,<sup>4</sup> tidak yang melekat pada bumi. Walau bagaimana pun para ahli fiqah telah menggariskan syarat-syarat tertentu mengenai harta curi. Perbincangan mengenainya terdapat di bawah ini.

#### SYARAT-SYARAT HARTA

Perbincangan di atas menerangkan bahawa perbuatan yang boleh disifatkan sebagai mencuri itu ialah suatu pengambilan yang me-

libatkan harta. Sungguhpun demikian, harta itu terikat kepada beberapa syarat tertentu seperti berikut:

1. Bernilai
2. Boleh dialih
3. *Muhraz* atau terkawal di tempat yang sesuai
4. Mencukupi kadar nisab
5. Tanpa kesamaran milik

Syarat yang pertama menyebut harta itu sebagai ‘harta bernilai’. Abu Hanifah telah mengistilahkan harta bernilai itu dengan *al-Mal al-Mutaqawwam*<sup>5</sup> tetapi imam-imam mazhab yang lain ada mengistilahkannya sebagai *al-Mal al-Muhtaram*<sup>6</sup> dan yang lain pula mengistilahkannya sebagai *Malun lahu Qimah, wa Malun Laisalahu Qimah*.<sup>7</sup> Kesemua istilah-istilah ini menunjukkan maksud yang sama.

Untuk menjelaskan maksud bernilai pada harta curi sehingga penjenayah yang terlibat layak dikenakan hukuman hudud, adalah lebih baik diketahui pendapat ulama mengenai perbuatan mencuri manusia. Hamba sahaya adalah dianggap sebagai harta bernilai di zaman wujudnya sistem perhambaan dahulu, tetapi setelah penghapusan sistem itu, manusia tidak lagi dianggap sebagai harta yang boleh dicuri<sup>8</sup> dan ini sesuai dengan pendapat Abu Hanifah, Shafi<sup>c//i</sup>, dan Ahmad. Bagi barang yang tidak dianggap harta dipandang sebagai benda-benda remeh oleh Islam.<sup>10</sup> Dengan itu seseorang yang didapati mencuri barang jenis ini tidak boleh dihukum dengan hukuman potong tangan, menurut hadis Rasulullah s.a.w yang diwayatkan oleh Hashim bin ‘Urwah iaitu:

اَنَ الْيَدُ لَا تَقْطَعُ فِي الشَّيْءِ التَّافِهِ

Sesungguhnya tangan tidak dihukum potong kerana mencuri sesuatu yang dikatakan remeh.<sup>11</sup>

#### BENDA-BENDA REMEH

Benda-benda yang dibahaskan oleh para fuqaha’ sama ada termasuk dalam benda-benda remeh atau boleh dikategorikan ke dalam benda-benda yang dikatakan harta ialah seperti berikut:

1. Benda/hakmilik umum.
2. Benda yang cepat rosak.
3. Kitab al-Qur'an, hadis dan lain-lain bacaan umum.
4. Benda yang haram di sisi Islam.
5. Manusia (mencuri/mencolek manusia).

#### BENDA/HAKMILIK UMUM

Yang dimaksudkan dengan benda-benda yang harus menjadi milik umum itu ialah air, rumput dan api sebagaimana yang disebut di dalam hadis Rasulullah s.a.w iaitu:

الناس شركاء في ثلاثة، في الكلاء والماء والنار.

Manusia berkongsi pada tiga perkara iaitu air, rumput dan api.<sup>12</sup>

Ketiga-tiga bahan yang tersebut di dalam hadis di atas adalah menjadi milik seluruh rakyat dalam sebuah negara Islam. Mazhab Hanafi<sup>13</sup> memasukkan juga jerami gandum, kayu-kayu, tanah, kapur putih, tembikar, kaca dan susu kerana semua benda ini tidak dianggap harta atau sesuatu yang berharga oleh manusia di masa itu serta dipandang sebagai benda-benda remeh. Tetapi sesuatu yang diperbuat daripada kayu tidak lagi dianggap sebagai remeh, sebaliknya sesuatu yang diperbuat daripada tanah tetap juga dianggap benda-benda remeh, dan neraca yang digunakan oleh mazhab Hanafi ialah pertamanya ketentuan ‘uruf<sup>14</sup> terhadap sesuatu benda atau barang itu, dan keduanya mengikut kebiasaan sesuatu benda yang dianggap remeh itu tidak diletakkan dalam mana-mana hirz. Manakala mazhab Maliki, Shafi‘i dan Hanbali berpendapat semua yang bernilai dianggap harta termasuk makanan, kain baju, binatang-binatang buruan, batu-bata, tebu, api, kapur putih, tembikar, kaca dan lain-lain tanpa mengambil kira sama ada termasuk dalam jenis benda-benda yang hukum asalnya harus menjadi milik umum atau tidak, sekiranya telah menjadi milik individu, melalui cara yang hak, maka hukuman potong tangan hendaklah dijalankan ke atas mana-mana orang yang didapati mencuri benda-benda tersebut.<sup>15</sup> Kalau dilihat kepada kemajuan alam dan pembangunan yang pesat dicapai oleh manusia hari ini khusus mengenai penemuan-penemuan sains dan teknologi, didapati banyak benda yang mulanya tidak begitu bernilai tetapi sekarang telah menjadi suatu sumber kewangan yang besar kepada pemilik benda itu. Oleh itu pendapat Mazhab Maliki, Shafi‘i dan Hanbali dalam hal ini adalah lebih sesuai dengan keadaan sekarang.

#### BENDA YANG CEPAT ROSAK

Menurut mazhab Hanafi<sup>16</sup>, orang yang mencuri barang yang cepat rosak seperti susu, daging, termasuk roti dan juga buah-buahan yang lembab atau buah-buahan yang masih di pokok tidaklah boleh dihukum potong tangan seperti yang dinyatakan oleh Rasulullah s.a.w. dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh ‘Amr Ibn Shu‘aib:

سئل رسول الله صلی الله علیه وسلم عن الثمر المعلق فقال: من أصاب منه بفيه من ذى حاجة غير متخذ حبنة فلا شيء عليه ومن خرج بشيء فعليه غرامة مثليه والعقوبة، ومن سرق منه شيئاً بعد أن يؤويه الجررين بلغ ثمن المجن فعليه القطع

Rasulullah ditanya mengenai buah-buahan yang masih tergantung di pokok, lalu Rasulullah menjawab dengan sabdanya yang bermaksud: ‘Sesiapa yang makan buah-buahan itu kerana berhajat (seperti terlalu lapar) tanpa menggendongnya di dalam kain atau baju tidaklah menjadi kesalahan apa-apa, tetapi sesiapa yang membawanya keluar, maka dia didenda sekali ganda nilai buah-buahan itu dan disiksa, manakala orang yang mencuri buah-buahan yang sudah dimasukkan ke dalam tempat simpanannya, maka pencuri berkenaan hendaklah dipotong tangannya.<sup>17</sup>

Berdasarkan hadis di atas, Abu Hanifah dengan menggunakan kaedah *qiyas*<sup>18</sup> telah mengqiyaskan buah-buahan yang lembab dan cepat menjadi rosak kepada apa-apa jua benda yang keadaannya cepat menjadi rosak. Jadi tidaklah boleh dihukum dengan hukuman hudud bagi sesiapa yang mencuri barang jenis ini. Boleh dibuat kesimpulan bahawa mazhab Abu Hanifah dalam menentukan kedudukan hukuman terhadap barang yang cepat rosak, telah membuat formula penetapan seperti berikut:

1. Buah-buahan di pokok dikira sebagai buah-buahan lembab.<sup>19</sup>
2. Benda-benda lembab termasuk juga barang-barang makanan lembab, sayur-sayuran dan buah-buahan lembab adalah cepat menjadi rosak.<sup>20</sup>
3. Benda-benda yang cepat menjadi rosak dikatakan remeh.<sup>21</sup>
4. Benda-benda remeh tidak dikatakan harta.<sup>22</sup>

Jadi, mengikut mazhab Abu Hanifah hukuman hudud (potong tangan) itu tidaklah boleh dijalankan ke atas seseorang yang didapati mencuri buah tamar yang masih di pokoknya atau apa-apa jenis buah yang tergantung di tangkai pokoknya sekali pun berada dalam kawasan seseorang yang berpagar atau apa-apa juga buah-buahan yang sudah dipetik dan dimasukkan ke dalam tempat simpanannya dalam keadaan yang tidak kering,<sup>23</sup> tetapi sekiranya keadaan buah-buahan itu sudah kering seperti mencuri buah tamar kering atau lain-lain jenis buah-buahan kering yang mana tahan untuk disimpan bagi tempoh satu tahun,<sup>24</sup> maka pencuri berkenaan hendaklah dikenakan hukuman hudud.

Dalam hubungan ini mazhab Maliki, Shafi'i dan Hanbali tidak mengambil kira segala benda yang dikatakan cepat menjadi rosak, malah setiap yang dikatakan harta, sekali pun makanan sekiranya dicuri yang mencukupi kadar nisabnya dalam keadaan barang itu di tempat simpanannya hendaklah dipotong tangan,<sup>25</sup> malahan menurut pendapat mazhab Hanbali buah khurma di pokok atau

lain-lain jenis buah-buahan di pokok yang berada dalam kawasan rumah berpagar dan terjaga sekiranya dicuri dan ia mencukupi kadar nisab hendaklah dihukum potong tangan ke atas sesiapa yang muncurinya.<sup>26</sup>

Mengenai perbezaan pendapat ulamak tentang benda-benda yang cepat rosak itu, Abu Hanifah telah menghubungkan hadis Rasulullah s.a.w. dengan situasi masyarakat serta ‘uruf masa itu sedangkan para ulamak yang lain melihat kepada zahir hadis dan al-Qur'an yang tidak menyatakan secara khusus mengenai sesuatu yang dikatakan cepat menjadi rosak. Apabila dilihat pula kepada keadaan masa kini boleh dikatakan secara umumnya tidak ada barang yang menjadi cepat rosak kerana hasil daripada kemajuan yang dicapai oleh manusia hari ini didapati banyak ubat-ubat dan alat-alat yang direka khas bagi mengawal sesuatu daripada menjadi cepat rosak. Dengan itu pendapat Shafi'i, Malik dan Ahmad lebih sesuai buat masa ini dan ini juga sesuai dengan peruntukan Kanun Kesiksaan Seksyen 378 yang tidak menyediakan peruntukan pengecualian terhadap kes-kes yang melibatkan perkara-perkara yang dikategorikan sebagai benda-benda cepat rosak.

#### KITAB AL-QUR'AN DAN BAHAN BACAAN UMUM

Mengikut satu pendapat daripada mazhab Hanafi yang dijelaskan oleh al-Kasani bahawa perbuatan muncuri kitab al-Qur'an, kitab-kitab Arab atau syair tidak boleh dihukum potong tangan terhadap orang yang muncurinya.<sup>27</sup> Ini berdasarkan yang ayat-ayat al-Qur'an itu adalah percakapan Allah, dan tidak harus ditukar ganti dalam urusniaga, dan juga kitab-kitab itu kalau pun disimpan, tetapi bukanlah kerana sifatnya sebagai harta, sebaliknya untuk dibaca dan diteliti apa-apa yang berkaitan dengan maslahat dan kepentingan agama, dan juga yang berhubung dengan perkara keduniaan. Demikian juga kitab-kitab hadis, kitab-kitab Arab dan kitab-kitab syair disimpan untuk diketahui apa-apa yang dapat memberi pengajaran dan bukan kerana harta.<sup>28</sup>

Pendapat ini ditentang oleh beberapa orang ulamak daripada mazhab Shafi'i dan Hanafi seperti Abu Yahya Zakaria al-Ansari dan Abu Yusuf, dan pendapat mereka boleh disokong berdasarkan hujah-hujah seperti berikut:

1. Kitab-kitab al-Qur'an, kitab-kitab hadis dan kitab-kitab agama yang lain, kalau pun disimpan untuk tujuan dibaca tetapi kitab-kitab itu boleh dinilai menerusi kertas dan kulitnya.<sup>29</sup>
2. Ayat al-Qur'an yang menyatakan tentang hukum curi tidak menyatakan pengecualian hukum itu terhadap pencuri yang muncuri kitab-kitab itu,<sup>30</sup> dan

3. Sebenarnya kitab al-Qur'an dan kitab-kitab agama yang lain adalah di antara jenis harta benda yang sangat bernilai.<sup>31</sup>

#### BENDA YANG DIHARAMKAN OLEH SYARAK

Dalam mazhab Shaf'i dan Hanbali didapati bahawa mencuri benda-benda yang diharamkan oleh syarak seperti arak, babi, bangkai dan sebagainya tidak boleh dihukum dengan hukuman potong tangan sama ada benda itu dicuri daripada orang Islam atau daripada kafir dhimmi.<sup>32</sup>

Mengenai alat-alat hiburan yang diharamkan seperti biola, serunai dan sebagainya tidaklah dikenakan hukuman hudud terhadap orang yang mencurinya, walau bagaimanapun pengikut-pengikut Shaf'i (al-Shafi'iyyah) berpendapat sekiranya alat-alat itu dirosakkan sehingga tidak boleh digunakan lagi untuk tujuan hiburan dan bahagian-bahagian yang diceraikan itu masih bernilai, maka perbuatan mencuri benda-benda seperti ini boleh dihukum potong tangan jikalau harganya mencukupi kadar nisab<sup>33</sup> tetapi berbeza dengan pendapat mazhab Hanbali di mana menurutnya perbuatan mencuri alat-alat tersebut iaitu bahagian-bahagian yang terpisah tidaklah boleh dihukum dengan hukuman potong tangan walaupun nilainya mencukupi kadar nisab.<sup>34</sup>

#### MENCOLEK ATAU MENCURI MANUSIA

Sungguhpun pada umumnya manusia tidak dikategorikan sebagai harta tetapi daripada perbincangan ulamak didapati adakah manusia itu dikatakan harta, khususnya dalam kes hamba.

Sebelum membincangkan kedudukan perbuatan mencuri manusia atau mencolek dengan istilah sekarang, eloklah diterangkan konsep hirz (pengawalan) terlebih dahulu secara ringkas kerana hirz mempunyai kaitan yang rapat dengan kes mencuri manusia dan juga mana-mana kes mencuri yang lain. Hirz secara umumnya bermakna suatu tempat yang diakui oleh "uruf"<sup>35</sup> sebagai sesuai untuk menjadi tempat terkawal bagi menyimpan atau meletak se-suatu benda.<sup>36</sup>

Berdasarkan kepada konsep umum hirz ini para ulamak telah membuat pembahagian bahawa sesuatu tempat yang terkawal disediakan untuk menjadi tempat simpanan barang-barang seperti rumah-rumah, kedai-kedai atau kotak-kotak yang dikenali sebagai *hirz bi nafsih*, manakala tempat-tempat yang bukan disediakan untuk menyimpan barang-barang seperti masjid-masjid,<sup>37</sup> jalan-jalan raya atau padang-padang yang keadaannya terbuka atau terdedah kepada umum dan diperlukan pengawal untuk menjaga keselamat-

an barang-barang yang disimpan atau diletakkan di situ, maka ia dikenali sebagai *hirz bi al-hafiz*.<sup>38</sup>

Bolehkah manusia disifatkan sebagai harta dan apakah hubungannya dengan *hirz*? Bolehkah penjenayah dalam kes ini diletakkan di bawah kuatkuasa kesalahan hudud atau tidak? Menurut pendapat dalam mazhab Hanafi, Shafi'i dan Hanbali, perbuatan mencuri manusia merdeka sama ada kecil atau besar tidak boleh dikenakan hukuman hudud ke atas yang melakukan perbuatan itu, kerana manusia tidak termasuk dalam kategori benda-benda yang disifatkan sebagai harta.<sup>39</sup> Tetapi Imam Malik dan golongan ulamak yang sependapat dengannya mengatakan bahawa mencuri kanak-kanak kecil yang tidak berakal boleh dihukum dengan hukuman potong tangan<sup>40</sup> dengan syarat kanak-kanak itu diambil atau dicuri dari suatu tempat yang keadaannya terkawal seperti di dalam rumah keluarganya atau di luar rumah tersebut, tetapi ada orang merdeka dewasa yang menjaganya.<sup>41</sup>

Pendapat ini tidak disetujui oleh mazhab Hanbali dengan alasannya bahawa kanak-kanak kecil yang merdeka itu pada hakikatnya bukan harta, jadi kesnya adalah sama seperti seorang merdeka yang sudah dewasa yang dicuri dalam keadaan tertidur sama ada dipandang dari sudut kedua-dua mereka bukan harta atau kedua-dua mereka tidak mempunyai *hirz*. Ini bererti ia tidak *muhrāz bi nafsīh* dan tidak juga *muhrāz bi al-hafiz*. Oleh itu dalam mazhab Hanbali orang yang mencuri manusia dalam keadaan begini tidak boleh dihukum potong tangan. Keadaannya agak lain sedikit dengan kedudukan seorang hamba dewasa, sebab sungguhpun hamba dewasa termasuk dalam kedua-dua kategori ‘harta dan manusia’ tetapi ia mempunyai sifat *muhrāz bi nafsīh* yang dipercayai bahawa dia tidak mungkin dicuri.<sup>42</sup>

Mengenai kes mencuri manusia dewasa yang merdeka atau mencolek dengan istilah sekarang yang di dalam keadaan *muhrāz bi nafsīh* pada pendapat saya hendaklah dikira sebagai kes rompakan kerana perbuatan penjenayah (pencolek) di sini telah menimbulkan kekacauan (*Fasad Fi al-Ard*) dan menjadi ancaman terhadap keamanan masyarakat dan negara seperti yang terdapat dalam larangan Allah menerusi al-Qur'an<sup>43</sup>.

Perkara yang telah disepakati oleh para ulamak dalam kes mencuri manusia ini ialah perbuatan mencuri kanak-kanak yang belum sempurna akal atau belum baligh dari kalangan hamba. Mengikut mazhab Hanafi, Maliki, Shafi'i dan Hanbali, orang yang mencuri kanak-kanak itu hendaklah dihukum potong tangan.<sup>44</sup> Al-Kasani daripada kalangan ulamak mazhab Hanafi menjelaskan bahawa potong tangan ini dipandang dari sudut yang kanak-kanak itu adalah harta kerana bagi al-Kasani sungguhpun hamba itu seorang manusia tetapi tidaklah sampai menafikan ianya bukan harta.<sup>45</sup>

## HARTA YANG DICURI MENCUKUPI NISAB

Syariat Islam memandang berat terhadap perbuatan mencuri kerana perbuatan ini adalah suatu jenayah yang mengancam harta benda dan ekoran daripada itu akan menggugat keamanan masyarakat. Walau bagaimanapun syariat Islam memberi pertimbangan yang wajar terhadap pelaku jenayah agar hukuman yang dikenakan ke atasnya setimpal dengan perbuatan jenayah yang dilakukannya. Oleh sebab itu syariat Islam menentukan kadar harta yang dikira sebagai sesuai dengan hukuman di samping beberapa syarat yang lain. Jadi, tidaklah bermakna bahawa setiap perbuatan mencuri itu boleh dikenakan hudud tetapi terhenti kepada kadar harta yang dicuri iaitu mencukupi nisabnya.

### ADAKAH NISAB DIKIRA SEBAGAI SYARAT?

Nisab bermaksud jumlah harta yang minimum yang ditentukan oleh syarak seperti penentuan kadar zakat harta. Dalam kes curi, nisab adalah diambil kira. Dengan itu sebelum orang yang dituduh melakukan perbuatan mencuri dihukum mengikut kuatkuasa hukuman hudud, hendaklah dilihat dahulu sama ada barang yang dicuri itu mencukupi nisab atau pun tidak.

Kebanyakan ulamak<sup>46</sup> (termasuk Imam-imam mazhab yang empat iaitu Abu Hanifah, Malik, Shafi<sup>c</sup> dan Ahmad) telah sepakat mensyaratkan nisab pada harta itu, tetapi mereka berbeza pendapat tentang kadar nisab itu sendiri.

Walau bagaimanapun al-Hassan al-Basri anak lelaki kepada anak perempuan Shafi<sup>i</sup> dan sebahagian ulamak yang lain yang bukan dari mazhab Sunni tidak mensyaratkan nisab sama sekali. Pendapat ulamak ini berdasarkan kepada zahir al-Qur'an dan hadis. Dari-pada al-Qur'an ialah firman Allah:

وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطُعُوا أَيْدِيهِمَا

Dan pencuri sama ada lelaki atau perempuan hendaklah kamu potong tangan mereka kedua<sup>47</sup>

Daripada hadis pula ialah yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a., Rasulullah s.a.w. bersabda:

لَعْنَ اللَّهِ السَّارِقُ يَسْرُقُ الْبَيْضَةَ فَتَقْطَعُ يَدُهُ وَيَسْرُقُ الْحَبْلَ فَتَقْطَعُ يَدُهُ

Allah telah melaknat pencuri yang mencuri baidah (topi besi)<sup>48</sup> lalu dipotong tangannya, begitu juga Allah melaknat pencuri yang mencuri tali (boleh jadi tali kapal)<sup>49</sup> lalu dipotong tangannya.<sup>50</sup>

Daripada pendapat-pendapat ulamak mengenai kadar nisab harta curi sebagaimana yang dinyatakan di atas saya lebih cenderung

kepada pendapat mazhab-mazhab Sunni yang telah mengambil kira kadar nisab itu sebagai syarat. Kalau pun tidak ada ayat al-Qur'an yang menyatakan tentang nisab, tetapi para ulamak yang mensyaratkan nisab itu mengemukakan alasan-alasan mereka berdasarkan perkara-perkara berikut:

1. Adanya hadis-hadis Rasulullah s.a.w yang menjelaskan hal beraikanan. Di antaranya sabda Rasulullah s.a.w. menurut riwayat <sup>c</sup>Aishah r.a.:

لَا تقطع يد السارق الا في رباع دينار فصاعدا

Tidak dipotong tangan pencuri melainkan pada kadar harta yang mencukupi  $\frac{1}{4}$  dinar atau lebih.<sup>51</sup>

2. Adanya amalan para sahabat Rasulullah s.a.w. yang ulung seperti Khulafa' Rashidin<sup>52</sup> dan Ijma<sup>c</sup> mereka mengenai hal itu.

#### KADAR NISAB

Para ulamak Hijaz yang terdiri daripada Malik, Shafi'i dan Ahmad Ibn Hanbal telah bersetuju pada kadar nisab bagi barang-barang curian yang terdiri daripada emas dan perak tetapi mereka berbeza pendapat bagi barang-barang curian yang selain daripada emas dan perak. Kedudukan kadar tersebut adalah seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 1:

JADUAL 1. Kadar nisab barang curian

Ulamak	Jenis Barang Curian			Nilai Malaysia dinilai dengan Emas (Dinar)
	Emas (E) (Dinar)	Perak (P) (Dirham)	Bukan Emas Dinilai	
Abu Hanifah	1	10	10(P)	\$280.00
Malik	$\frac{1}{4}$	3	3(P)	\$ 70.00
Al-Shafi'i	$\frac{1}{4}$	3	$\frac{1}{4}$ (E)	\$ 70.00

Dari Jadual 1, dapat dibuat beberapa kesimpulan seperti berikut:

1. Malik, Shafi'i dan Ahmad telah sepandapat bahawa kadar nisab bagi barang-barang emas ialah  $\frac{1}{4}$  dinar dan nisab bagi barang-barang perak ialah 3 dirham. Pendapat ketiga-tiga mazhab ini berdasarkan kepada hujah-hujah berikut:

- (a) Hadis yang diriwayatkan oleh <sup>c</sup>Aishah r.a. bahawa ia telah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud:

Tidak dipotong tangan pencuri melainkan pada kadar yang mencukupi  $\frac{1}{4}$  dinar atau lebih.<sup>53</sup>

- (b) Hadis yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Umar bahawa Rasulullah s.a.w. telah mengenakan hukuman potong terhadap pencuri yang mencuri perisai berharga 3 dirham.<sup>54</sup>
  - (c) Amalan para sahabat dan Khulafa Rashidin mereka telah menjatuhkan hukuman potong pada kadar 3 dirham atau 1/4 dinar.<sup>55</sup>
2. Manakala Abu Hanifah berpendapat bahawa kadar nisab harta curi itu ialah 10 dirham atau 1 dinar. Ini berdasarkan kepada Hadis Rasulullah s.a.w. yang dinyatakan oleh al-Baihaqi dan al-Tahawi daripada Muhammad bin Ishaq daripada Ayyub bin Musa, Ata’ dan ‘Abbas dengan katanya yang bermaksud: Sebenarnya harga perisai pada zaman Rasulullah s.a.w. ialah 1 dinar atau 10 dirham.<sup>56</sup>

3. Menurut Shafi‘i bahawa pada masa dahulu nilai 3 dirham adalah menyamai 1/4 dinar. Ini dinyatakan oleh sebuah hadis yang diriwayatkan melalui ‘Aishah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

اقطعوا في ربع دينار، ولا تقطعوا فيما هو أدنى من ذلك، وكان ربع الدينار مثلاً ثلاثة دراهم والدينار اثني عشر درهماً.

6. Nilai matawang Malaysia bagi kadar nisab 1/4 dinar atau 3 dirham ialah \$70.02 dan kalau 1 dinar adalah bernilai \$280.08 (mengikut kiraan  $\$70.02 \times 4 = \$280.08$ ). Perkiraan ini adalah mengikut penilaian yang dibuat dalam bulan Rejab 1403H oleh Bahagian Penyelidikan, Jabatan Perdana Menteri.

Berdasarkan kepada kadar-kadar nisab yang telah dikemukakan oleh para ulamak di atas yang masing-masing dengan alasan-alasan tertentu bagi menyokong pendapat mereka, saya lebih tertarik kepada pendapat Malik, Shafi‘i dan Ahmad yang telah menetapkan bahawa kadar nisab itu ialah 1/4 dinar atau 3 dirham, kerana menurut al-Shaukani, hadis yang mendakwa 1 dinar atau 10 dirham ialah hadis yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Abbas dan Ibn ‘Amr bin al-‘As yang mana pada sanadnya terdapat Muhammad bin Ishaq ialah hadis ‘Mu‘an‘an.<sup>61</sup> Hadis ini tidak boleh dijadikan hujah kerana ia bertentangan dengan dua hadis saih yang lain yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Umar dan ‘Aishah<sup>62</sup> yang kedua-duanya menyatakan 1/4 dinar dan 3 dirham. Jelas daripada amalan para sahabat yang mana mereka juga beramal mengikut hadis ini.<sup>63</sup> Oleh itu kebanyakan ulamak berpendapat bahawa 1/4 dinar dan 3 dirham adalah kadar nisab bagi barang curian yang membolehkan ter tuduh dipotong tangan.

Jadi, setelah meneliti pendapat al-Shaukani sebagai ahli hadis dan pendapat kebanyakan ulamak, maka saya memilih 1/4 dinar dan 3 dirham sebagai kadar yang tetap bagi nisab harta curi untuk

menjadi panduan kepada hakim-hakim dalam menjalankan perbicaraan di mahkamah.

Bagi mencapai keadilan dalam sesuatu perbicaraan kes curi dan dalam hukuman yang akan diputuskan para hakim perlu berpandukan kepada kadar nisab yang jelas dan dipersetujui sesama mereka. Dengan itu satu penyelarasan perlu dibuat tentang kadar nisab bagi setiap barang yang dicuri menurut satu pendapat yang sesuai dan kuat di antara beberapa pendapat mazhab-mazhab Islam.

Walau bagaimanapun waktu yang paling tepat untuk diambil kira kadar nisab itu telah menimbulkan suatu perbincangan di kalangan para ulamak fiqah yang melahirkan perbezaan pendapat dalam hal itu.

#### WAKTU PENENTUAN KADAR NISAB

Terdapat pendapat yang berbeza di kalangan ulamak mengenai masa untuk menentukan kadar nisab, sama ada selepas siduh mengeluarkan barang curian daripada hirznya iaitu pada hari berlakunya perbuatan mencuri, atau mulai dari hari berlakunya perbuatan mencuri sehingga ke hari dijatuhkan hukuman. Ini memandangkan kesempurnaan nisab adalah penting dalam menentukan kedudukan kes. Hal ini ternyata pentingnya apabila berlaku apa-apa kekurangan pada barang curian atau penurunan nilai pasaran. Dalam kes kekurangan nisab yang disebabkan oleh kerosakan pada harta curian itu sendiri, tidaklah ada perbezaan pendapat di antara Abu Hanifah, Malik, Shafī'i dan Ahmad di mana perkiraan kadar nisab dirujuk kepada hari berlakunya perbuatan mencuri. Tetapi dalam kes kekurangan nisab yang disebabkan oleh penurunan nilai pasaran terhadap pendapat yang berbeza di kalangan ulamak, di mana Abu Hanifah<sup>64</sup> mengambil kira kadar nisab itu mulai dari hari berlakunya perbuatan mencuri sehingga ke hari dijatuhkan hukuman, atas alasan bahawa kadar nisab itu merupakan syarat dalam kes curi, maka dengan sebab itu kadar nisab hendaklah berkekalan sehingga kepada hari tertuduh dihukum.<sup>65</sup> Manakala Shafī'i, Malik dan Ahmad mengambil kira kadar nisab itu pada hari berlakunya perbuatan mencuri sahaja,<sup>66</sup> kerana itulah waktu sebenar berlaku atau tidaknya perbuatan tersebut.

Apabila dilihat dari segi perlaksanaan didapati bahawa pendapat yang mengatakan waktu perkiraan kadar nisab ialah selepas berlaku perbuatan mengeluarkan harta curian daripada hirznya atau pada hari berlakunya perbuatan itu adalah lebih sesuai, kerana itulah masa yang paling tepat menunjukkan yang dituduh sempurna melakukan jenayah mencuri. Ini akan dapat mengelak daripada berlaku sesuatu yang tidak adil, kerana kalau perkiraan kadar nisab itu diambilkira berterusan mulai dari berlakunya perbuatan men-

curi sehingga ke saat dijatuhkan hukuman sebagaimana yang disebut oleh al-Karakhi<sup>67</sup> yang mewakili mazhab Hanafi kemungkinan orang yang dituduh mencuri pada kadar yang mencukupi nisab akan terlepas daripada hukuman hudud kerana penurunan nilai barang yang disebabkan oleh penurunan nilai di pasaran sehingga menjadi kurang daripada kadar nisab.

#### BARANG YANG DICURI DALAM KAWALAN (MUHRAZ)

Para ulamak telah bertikai mengenai hirz ( حِرْز ), apakah hirz itu merupakan syarat pada harta curian atau tidak. Dimaksudkan dengan hirz itu ialah tempat letak atau tempat simpanan barang-barang berharga mengikut kesesuaianya. Jadi sesuatu barang atau benda, sekiranya disimpan atau diletak di suatu tempat yang sesuai dan terkawal dikatakan berada di dalam hirznya dan benda yang di dalam keadaan itu dikatakan muhraz. Keduan-dua istilah memberi maksud yang sama.

#### MAKSUD HIRZ

Hirz (tempat simpanan) sebagaimana yang dimaksudkan itu tidak ditentukan oleh syarak secara khusus malah secara umumnya tertakluk kepada penentuan ‘uruf ( عَرْف ).<sup>68</sup> Oleh itu serban atau kain yang diletakkan di bawah kepala sebagai bantal tidur dikatakan berada di dalam hirznya.<sup>69</sup> Demikian juga baju yang meletak pada tubuh badan manusia dikatakan berada di dalam hirznya.<sup>70</sup> Walau bagaimana pun hirz secara yang lebih mudah difahami terbahagi kepada dua jenis:

**Tempat yang dikira Hirz** Tempat ini berupa tempat letak yang sesuai atau tempat simpanan yang dikhusruskan untuk menyimpan barang-barang atau harta benda berharga yang tidak boleh sesiapa pun memasuki ke tempat ini kecuali dengan kebenaran pemiliknya. Misalnya, rumah-rumah di anggap hirz iaitu tempat simpanan bagi segala kain baju atau seumpamanya sekiranya rumah-rumah itu dalam keadaan berkunci dan terletak di kawasan yang tidak terpencil daripada masyarakat orang ramai<sup>61</sup> (mudah mendapat bantuan di waktu kecemasan). Apabila menyebut tempat simpanan yang sesuai termasuklah kadang-kadang sebagai tempat kurungan binatang-binatang ternakan<sup>72</sup> dan kotak-kotak sebagai tempat simpanan barang-barang kemas sekiranya dalam keadaan berkunci.<sup>73</sup>

**Tempat Simpanan yang Perlu kepada Penjaga** Dimaksudkan dengan tempat simpanan yang perlu kepada penjagaan ialah tempat-tempat yang tidak boleh dianggap sebagai tempat simpanan

bagi barang-barang atau harta benda berharga kerana sifatnya terdedah kepada orang ramai serta bebas dimasuki oleh sesiapa sahaja tanpa perlu mendapat kebenaran seperti masjid-masjid, jalan-jalan raya atau seumpamanya, tetapi tempat-tempat tersebut boleh dianggap hirz apabila ada penjaga atau pengawal. Mengenai rumah-rumah yang tidak berkunci juga boleh dianggap hirz dengan adanya penjagaan, tetapi bagi rumah-rumah yang terpencil jauh dari pada orang ramai walaupun dalam keadaan berkunci tidak dianggap hirz kecuali ada penjaganya.

#### PENDAPAT ULAMAK TENTANG HIRZ

Tiap-tiap harta yang dicuri adalah diambil samada dari dalam hirznya atau dari luar hirznya. Kebanyakan ulamak<sup>74</sup> telah mensyaratkan hirz pada harta curian itu. Jadi, perbuatan mencuri yang berlaku di dalam hirz harta sahaja yang terikat dengan hukum hudud, manakala yang berlaku di luar hirz harta tidak terikat dengan hukuman itu. Walau bagaimana pun ada juga ulamak<sup>75</sup> yang tidak mensyaratkan hirz itu dengan berdasarkan kepada umum ayat al-Qur'an yang menyatakan tentang hukuman mencuri. Bagi jumhur ulamak yang mensyaratkan hirz itu adalah berdasarkan kepada hadis-hadis Rasulullah s.a.w. yang merupakan pentakhsis ayat al-Qur'an yang bersifat umum itu.<sup>77</sup>

Antara hadis-hadis itu ialah hadis yang diriwayatkan oleh <sup>c</sup>Amr Ibn Shu<sup>c</sup>aib, daripada bapanya dan datuknya <sup>c</sup>Abdullah Ibn <sup>c</sup>Amr Ibn al-<sup>c</sup>As yang menceritakan seperti berikut:

Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. telah ditanya mengenai buah-buah yang tergantung di pokok, lalu Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud: "Sesiapa yang makan buah-buahan itu kerana berhajat (seperti lapar) dan tidak mengendongnya, tidaklah menjadi kesalahan apa-apa, tetapi sesiapa yang mengambil dan membawa keluar buah-buahan itu, maka dia hendaklah didenda sekali ganda nilai buah-buahan itu dan disiksa (pukul) sebagai *ta'zir*<sup>78</sup> dan sesiapa yang mencuri buah-buahan yang sudah dimasukkan ke dalam bekasnya (tempat simpanannya) maka hendaklah dihukum dipotong tangan."<sup>79</sup>

Daripada hadis di atas ternyata menunjukkan bahawa setiap orang yang dituduh melakukan jenayah mencuri hendaklah sabit mengeluarkan harta yang dicuri dari hirznya.<sup>80</sup> Dan perbuatan mengeluarkan harta itu terjadi dalam dua keadaan sama ada penglibatan secara langsung (mubaharah) atau melalui perbuatan secara tidak langsung (tasabbub). Kedua-dua keadaan itu dapat dijelas seperti berikut:

**Penglibatan Secara Langsung** Hal ini berlaku apabila tertuduh melalui usahanya sendiri telah dapat mengambil harta curian yang berlaku di dalam hirznya (di tempat simpanan harta itu) kemudian

mengeluarkannya dari tempat itu, maka perbuatan itu dikatakan penglibatan secara langsung.<sup>81</sup> Dalam keadaan ini sekiranya tertuduh ditangkap semasa berada di dalam hirz harta itu samada sebelum sempat memikul harta-harta curian itu atau telah melontarnya keluar dari tempat simpanan harta-harta itu, tetapi tidak sempat mengambilnya adalah tidak termasuk dalam takrif pengambilan secara langsung. Walau bagaimanapun perbuatan itu disifatkan sebagai “maksiat”<sup>82</sup> dan tidaklah boleh dikatakan jenayah mencuri yang tertakluk kepada pengkuatkuasaan hukuman hudud, walau pun pada masa ia melakukan perbuatan itu memang ada mempunyai niat mencuri. Ini disebabkan yang dituduh tidak membawa bersama-samanya harta-harta curian pada masa ia keluar dari hirz harta-harta itu.<sup>83</sup>

Di antara kes-kes yang boleh dikira sebagai perbuatan secara langsung adalah seperti berikut:

1. Si dituduh yang melontar harta-harta curian dari dalam hirznya sempat mengambilnya di luar.<sup>84</sup>
2. Si dituduh mengeluarkan harta-harta curiannya dengan menghanyutkannya melalui pengaliran air.<sup>85</sup>
3. Si dituduh meletakkan harta-harta curiannya di atas belakang binatang kemudian mengusir binatang itu berjalan keluar dari hirz harta benda itu.<sup>86</sup>
4. Sekiranya dua orang berpakat dan bersama-sama memusnahkan tempat simpanan harta, kemudian seorang daripada kedua itu masuk ke dalam tempat simpanan tersebut lalu mengambil harta benda di dalamnya dan membawanya keluar dari tempat itu, maka orang yang mengeluarkan harta benda itu sahaja dikenakan hukuman hudud.<sup>87</sup>

Jadi tiap-tiap yang dikatakan jenayah mencuri yang melibatkan pengambilan hak orang lain tanpa izin pemiliknya mempunyai ciri-ciri seperti berikut:

1. Ada usaha sendiri daripada penjenayah yang terlibat tanpa dipisahkan oleh perbuatan orang lain mengeluarkan barang curian dari hirznya.
2. Barang yang dicuri telah sempurna dipisahkan daripada kawalan pemiliknya.
3. Barang curian yang terpisah daripada kawalan (hiyazah) pemiliknya telah berpindah kepada jagaan dan kawalan pencuri dengan sempurna.<sup>88</sup>

**Perbuatan Secara Tidak Langsung** Dimaksudkan dengan perbuatan tidak langsung ialah perbuatan mengambil harta benda orang lain tanpa keizinan orang itu. Dilakukan dengan bantuan

orang lain yang terlibat secara langsung. Ini dapat dilihat dalam kes berikut:

Sekumpulan pencuri masuk ke dalam sebuah rumah, lalu mengambil harta benda di dalamnya, kemudian mereka membebankan tugas memikul harta benda itu ke atas seorang daripada mereka, dan kesemua mereka berjalan keluar dari rumah tanpa membawa apa-apa kecuali seorang sahaja.<sup>89</sup>

Kedudukan hukum dalam kes ini boleh dilihat dengan membuat pendekatan kepada kaedah *qiyyas*<sup>90</sup> dan kaedah *istihsan*.<sup>91</sup> Sekiranya dirujuk kepada kaedah *qiyyas* didapati orang yang memikul dan mengeluarkan barang curian sahaja boleh dikenakan hukuman hudud, sedangkan yang lain hanya boleh dikenakan hukuman *ta'zir* kerana masuk ke rumah orang tanpa izin (maksiat). Tetapi sekiranya dibuat ketentuan melalui *istihsan*, maka kesemua mereka yang terlibat hendaklah dikenakan hukuman hudud sebab dipandang dari sudut *istihsan* bahawa barang yang dikeluarkan dari hirznya itu adalah berpuncu daripada penglibatan semua orang. Orang yang memikul barang-barang itu tidak kuasa melakukan seorang diri melainkan dengan bantuan orang lain, dan pencuri biasanya tidak melakukan kerja-kerja itu seorang diri, malah bersama-sama dengan beberapa orang kawannya, dan mengikut kebiasaannya pencuri-pencuri juga tidak kesemua mereka yang terlibat dengan bertungkus lumus mengeluarkan barang dari dalam tempat simpanannya malah ada pula di antara mereka yang tugasnya mengintai. Oleh itu kalau penguatkuasaan hukuman potong tangan (hudud) merupakan suatu peruntukan hukuman khusus terhadap orang yang mengambil dan mengeluarkan barang curian dengan usaha dan tenaga sendiri sahaja maka akan bertambah banyak lagi berlaku jenayah mencuri.<sup>92</sup> Atas sebab-sebab seperti itu kaedah *istihsan* dipakai untuk membenteras jenayah mencuri yang sering mengancam masyarakat hari ini.

#### BARANG CURIAN TANPA KESAMARAN MILIK

Kesamaran bolehlah diertikan sebagai sesuatu yang menyerupai perkara yang sebenar, tetapi bukan yang sebenar.<sup>93</sup> Kesamaran yang timbul berkaitan dengan harta boleh berlaku apabila ada harta yang boleh dikatakan hak sebenar bagi seseorang, tetapi pada hakikatnya bukan haknya, yakni bukan menjadi sepenuh miliknya, misalnya harta syarikat, di mana seorang ahli kongsi ada mempunyai hak dalam harta itu, tetapi tidaklah bermakna yang ahli kongsi itu berhak di atas keseluruhan harta itu, tiap-tiap yang termasuk dalam harta itu adalah hak bersama di antara ahli-ahli kongsi. Dengan itu perbuatan mencuri harta kongsi adalah merupakan suatu kesamaran

dan tidak termasuk ke dalam pengertian mencuri. Jadi, perbuatan mencuri itu hendaklah merupakan pengambilan yang benar-benar melibatkan hakmilik orang lain,<sup>95</sup> dan tertuduh tidak ada sedikit pun bahagiannya dalam harta itu. Sekiranya tertuduh mencuri haknya sendiri yang ada di tangan orang lain, atau hartanya yang telah digadaikan kepada orang itu, atau harta yang disewakan kepadanya, atau mencuri harta yang sudah dibelinya daripada orang itu atau mencuri harta yang sudah dijualkan kepadanya tetapi masih dalam tempoh khiyar (pilihan) atau mencuri harta yang sudah dihibahkan<sup>96</sup> kepadanya tetapi belum menerimanya, kesemua kes ini adalah merupakan kes-kes yang mempunyai unsur-unsur kesamaran yang dapat menolak perlaksanaan hukuman hudud.<sup>97</sup>

#### PENDAPAT ULAMAK MENGENAI KESAMARAN

Mengenai kes kesamaran ini sama ada ia boleh diambil kira sebagai suatu dalihan yang dapat menggugurkan hukuman *hudud* atau tidak adalah dipertikaikan oleh para ulamak.

Jumhur ulamak termasuk imam-imam mazhab yang empat<sup>98</sup> berpendapat wajib mengambil kira kesamaran sebagai dapat menggugurkan hukuman hudud berdasarkan kepada apa yang diriwayatkan oleh <sup>99</sup>Ali dan Ibn <sup>100</sup>Abbas:

ادرؤوا الحدود بال شبّهات

Hendaklah kamu tolak pelaksanaan hukuman hudud atas sebab-sebab kesamaran<sup>99</sup>

Golongan Zahiriyyah pula berpendapat bahawa hukuman hudud tidak boleh digugurkan kerana sesuatu alasan yang tidak jelas (kesamaran) dan juga ia tidak boleh dilaksanakan ke atas kes-kes yang mempunyai bukti-bukti yang masih samar.<sup>100</sup> Ini berdasarkan kepada hujah-hujah berikut:

1. Hukuman hudud adalah hak Allah, oleh itu ia tidak boleh ditolak dengan alasan kesamaran disebabkan oleh firman Allah yang berbunyi:

Itulah hudud Allah (hukum Allah), maka jangan kamu melanggarnya<sup>101</sup>

2. Hukuman hudud yang tidak dapat disabitkan dengan bukti-bukti yang jelas tidak boleh dilaksanakan sama sekali. Ini berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w.:

وَانْ دَمَاءَكُمْ وَأَمْوَالَكُمْ عَلَيْكُمْ حَرَامٌ

Dan sesungguhnya darah dan harta saudara kamu adalah haram ke atas kamu.<sup>102</sup>

Ada beberapa perkara yang dipandang mempunyai kesamaran oleh jumhur ulamak Sunni sehingga boleh menolak perlaksanaan

hukum hudud sepermula dalam kes gadaian. Al-Sharbini al-Khatib<sup>103</sup> menjelaskan bahawa penggadai dan penerima gadaian masing-masing mempunyai hak di atas harta gadaian. Dengan itu dikatakan kes gadaian ini ada mempunyai unsur-unsur kesamaran milik. Jumhur ulamak tidak meletakkan penggadai yang mencuri di bawah peruntukan undang-undang jenayah mencuri, kerana penggadai itu mencuri haknya sendiri.<sup>104</sup>

Sungguhpun demikian pemegang gadaian tetap mempunyai haknya di atas harta gadaian itu selama penggadai tidak menjelaskan hutangnya atau membayar pinjaman atas cagaran harta itu. Jadi, dalam keadaan ini barang gadaian itu dikatakan ada kesamaran milik yakni kedua-dua penggadai dan pemegang gadaian mempunyai haknya ke atas barang gadaian itu yang boleh menolak pelaksanaan hukum hudud.

#### PUNCA-PUNCA KESAMARAN

Kes-kes yang dikatakan ada mempunyai kesamaran tidaklah diterangkan dengan jelas oleh syarak, cuma secara umumnya bolehlah dinyatakan bahawa perkara-perkara yang membawa kepada kesamaran ialah:

1. Ada perkongsian hakmilik.
2. Kejahilan penjenayah tentang hukum atau harta curi.
3. Kesamaran dalil.
4. Kesamaran dalam cara pembuktian kes.

**Ada Perkongsian Hakmilik** Sungguhpun tidak ada ketentuan syarak mengenai kesamaran, tetapi satu ukuran umum yang boleh digunakan untuk menentukan kesamaran itu adanya perkongsian hakmilik. Kesamaran ini dianggap satu dalihan yang dapat menolak pelaksanaan hukuman hudud. Hal ini berlaku dalam kes-kes berikut:

1. Bapa mencuri harta anak.
2. Isteri mencuri harta suami.
3. Mencuri harta wakaf.
4. Mencuri harta baitulmal.

**Bapa Mencuri Harta Anak** Perbuatan bapa mencuri harta anak tidak tertakluk kepada hukuman hudud kerana perbuatan bapa mengambil harta anaknya sama seperti mengambil hartanya sendiri. Ini berdasarkan kepada hadis Rasulullah s.a.w. yang bermak-sud:

Kamu dan harta kamu adalah milik bapa kamu.<sup>105</sup>

Rasulullah s.a.w. juga bersabda:

ان اطيب ما اكلتم من كسبكم وان أولادكم من كسبكم.

Sesungguhnya sebaik-baik harta yang dimakan ialah yang diusahaannya sendiri dan sesungguhnya anaknya itu adalah hasil daripada usahanya sendiri.<sup>106</sup>

Mengenai perbuatan anak mencuri harta bapa adalah disifatkan juga sebagai kes yang mempunyai unsur-unsur kesamaran,<sup>107</sup> kerana memandangkan yang anak itu tidak boleh menjadi saksi terhadap bapanya, dan anak itu juga wajib diberi nafkah daripada harta bapanya.<sup>108</sup>

Perbuatan mencuri yang berlaku di kalangan keluarga yang muhrim seperti adik, abang, kakak, bapa saudara (sebelah bapa atau sebelah ibu) dan emak saudara (sebelah bapa atau sebelah ibu) juga merupakan kes kesamaran. Ini berpunca daripada adanya kewajipan nafkah<sup>109</sup>, iaitu yang berhak di antara mereka wajib memberi nafkah kepada yang tidak berada.

*Isteri Mencuri Harta Suami* Mengikut mazhab Hanafi dan Hanbali, isteri yang mencuri harta suami tidak boleh dikenakan ke atasnya hukuman hudud kerana memandangkan isteri itu mempunyai haknya dalam harta suaminya. Ini berdasarkan kepada sebuah hadis Rasulullah s.a.w. mengenai seorang perempuan bernama Hindon yang datang membuat pengaduan kepada baginda Rasulullah s.a.w. dengan katanya:

يا رسول الله ان أبا سفيان رجل شحيح لا يعطيني ما يكفيه ولدي. لا أحذت من  
ماله وهو لا يعلم فقال: خذى ما يكفيك ولدك بالمعروف.

Wahai Rasulullah! Sesungguhnya Abu Sufyan seorang lelaki yang bakhil. Ia tidak memberi nafkah kepada aku dan anak-anak aku dengan secukupnya. Tidakkah boleh aku mengambil sebahagian daripada hartanya. Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda: Ambillah sekadar mencukupi keperluan kamu dan anak-anak kamu.<sup>110</sup>

Suami yang mencuri harta isteri juga tidak boleh dihukum dengan hukuman hudud kerana harta yang disimpan samada di rumah yang menjadi tempat kediaman mereka berdua atau pun di rumah yang berasingan adalah tidak dianggap sebagai hirz bagi kedua mereka, sebab rumah-rumah itu boleh dimasuki dengan bebas mengikut kelaziman suami/isteri.<sup>111</sup>

Bagi mazhab Maliki dan Shafie'i pula sekiranya harta yang disimpan oleh suami atau isteri bertujuan untuk kegunaan sendiri dan bukan untuk kepentingan bersama maka boleh dikenakan hukuman hudud terhadap suami atau isteri yang mencurinya.<sup>112</sup>

*Mencuri Harta Wakaf* Perbuatan mencuri harta wakaf dalam keadaan-keadaan tertentu dianggap termasuk dalam kes-kes kesamaran

oleh mazhab Abu Hanifah, Shafi'i dan Ahmad Ibn Hanbal.<sup>113</sup> Ini berlaku apabila orang yang mencuri harta wakaf atau hasil pendapatan harta itu ia adalah dari golongan orang-orang yang berhak di atas harta itu seperti mana seorang miskin mencuri harta yang diwakafkan kepada fakir miskin maka tidaklah boleh dijalankan hukuman hudud ke atasnya, tetapi sekiranya pencuri bukanlah dari golongan yang berhak di atas harta itu, maka ia boleh dihukum dengan hukuman hudud.<sup>114</sup> Mengenai harta yang diwakafkan untuk kepentingan umum, maka orang yang mencuri harta itu tidak akan dikenakan hukuman hudud walau pun ianya seorang kafir dhimmi.<sup>115</sup>

*Mencuri Harta Baitulmal (Perbendaharaan Negara)* Baitulmal ialah perbendaharaan negara, atau harta yang boleh disifatkan sebagai hak kerajaan.

Mazhab Hanafi, Shafi'i dan Hanbali menganggapkan perbuatan mencuri harta baitulmal sebagai satu kes yang ada mempunyai unsur-unsur kesamaran milik sehingga dapat menolak pelaksanaan hukuman hudud,<sup>116</sup> sebab harta yang terkumpul di dalam baitulmal itu adalah harta yang akan digunakan untuk kepentingan umum,<sup>117</sup> kecuali kalau harta itu telah diperuntukkan kepada golongan tertentu, sedangkan pencuri bukan dari golongan itu, maka pencuri berkenaan akan dihukum menurut penguatkuasaan hukuman hudud.<sup>118</sup>

Bagi mazhab Maliki, perbuatan mencuri harta baitulmal itu tetap dikira sebagai kesalahan yang boleh dihukum mengikut penguatkuasaan hukuman hudud.<sup>119</sup> Pelaksanaan hukuman itu dilihat dari segi barang yang dicuri berada dalam keadaan *muhras* (terkawal), dan mencuri barang yang di dalam keadaan demikian boleh dihukum dengan hukuman hudud. Mazhab Maliki juga berhujah dengan zahir ayat al-Qur'an yang tidak mengecualikan pencuri harta baitulmal daripada hukuman hudud.

Oleh kerana keempat-empat mazhab Sunni telah memperakukan kesamaran milik sebagai dalihan yang dapat menolak pelaksanaan hukuman hudud, dan harta baitulmal pula adalah harta yang kesamaran milik, maka tidak perlu lagi dibahaskan samaada harta itu muhras atau tidak muhras. Ini yang diamalkan oleh sahabat Rasulullah s.a.w. di mana Sayyidina 'Umar pernah ditanya oleh Ibn Mas'ud tentang hukuman terhadap orang yang mencuri harta baitulmal, lalu dijelaskan oleh Sayyidina 'Umar<sup>120</sup> bahawa orang itu ada mempunyai haknya dalam harta tersebut. Demikian juga Sayyidina 'Ali<sup>121</sup> pernah berkata:

Tidak boleh dikenakan hukuman potong terhadap orang yang mencuri harta baitulmal.

Berdasarkan kepada penjelasan tersebut dapatlah dibuat kesimpulan bahawa pencuri harta baitulmal tidak layak dikenakan hukuman hudud. Tetapi tidaklah bermakna ia terlepas daripada lain-lain hukuman. Ini memandangkan tiap-tiap perbuatan yang mengancam keamanan dan menggugat keselamatan masyarakat serta kepentingan umum dianggap sebagai jenayah<sup>122</sup> dan tiap-tiap perbuatan jenayah yang tidak ditentukan hukumannya oleh Allah s.w.t. dikenakan hukuman ta'zir, maka perbuatan mencuri harta baitulmal juga dikenakan hukuman ta'zir, walau pun perbuatan itu asalnya tertakluk di bawah penguatkuasaan hukuman hudud, tetapi oleh kerana kes tersebut ada mempunyai unsur-unsur kesamaran maka ia hanya layak dikenakan hukuman ta'zir sahaja.

#### ***Kejahilan Penjenayah tentang Hukuman atau Harta Curi)***

Tertuduh tidak mengetahui tentang hukuman perbuatan yang dilakukan olehnya atau tidak mengetahui hakikat sebenar tentang benda yang dicuri, misalnya pencuri beranggapan bahawa barang curian adalah haknya tetapi ternyata bukan haknya, maka kedua-dua jenis kejahilan ini dikira sebagai perkara-perkara kesamaran juga.<sup>123</sup>

**Kesamaran Dalil** Dimaksudkan dengan kesamaran dalil ialah pertentangan di antara dua dalil, salah satu daripada dalil itu memberi hakmilik kepada seseorang dan satu dalil lagi menafikan hak itu. Contohnya seperti dalam kes bapa mencuri harta anak. Sebenarnya anak itu diberi hakmilik oleh syarak. Al-Qur'an meletakkan prinsip pemilikan berdasarkan usaha sendiri seperti yang dinyatakan Allah dalam firmanNya:

وَأَن لَّيْسَ لِلْإِنْسَانِ إِلَّا مَا سَعَى

Dan bahawasanya seorang manusia itu tiada memperolehi sesuatu melainkan apa yang telah diusahakannya.<sup>124</sup>

Walaupun demikian ada hadis yang mengatakan bahawa harta anak itu menjadi milik bapanya sepertimana yang disabdakan oleh Rasulullah s.a.w.:

أَنْتُ وَمَالِكُ لَأَيْكَ

Sesungguhnya kamu dan harta kamu adalah milik bapa kamu.<sup>125</sup>

Jadi, perbuatan bapa mencuri harta anak adalah suatu kesamaran.

**Kesamaran dalam Cara Pembuktian Kes** Terdapat banyak kekecohan semasa pembuktian kes dan perkara itu adalah diambil-kira sebagai perkara-perkara kesamaran seperti saksi menarik balik

kesaksiannya,<sup>126</sup> atau perselisihan saksi mengenai tempat atau masa kejadian. Misalnya seorang saksi berkata kejadian curi berlaku pada hari Jumaat dan yang seorang lagi berkata hari Khamis,<sup>127</sup> atau saksi-saksi mengemukakan kesaksiannya, sedangkan mangsa kecurian (orang yang kena curi) atau wakilnya tidak membuat pendakwaan,<sup>128</sup> atau tertuduh membuat pengakuan bersalah, kemudian menarik balik pengakuannya,<sup>129</sup> atau pengakuan yang dibuat itu atas sebab paksaan sama ada dipukul atau sebagainya supaya yang dituduh mengaku,<sup>130</sup> maka kesemua hal-hal ini adalah dianggap kesamaran.<sup>131</sup>

#### PENUTUP

Banyak pihak mungkin tidak begitu jelas sebelum ini tentang bagaimana hukuman potong tangan itu boleh dijalankan ke atas orang-orang yang telah sabit mencuri. Barang curi (barang kes) adalah suatu yang tidak dipandang ringan dalam kes curi menurut pelaksanaan hukum Islam. Oleh itu dapatlah dibuat kesimpulan bahawa para ulamak setelah berbincang beserta dengan hujah-hujah dari ayat-ayat al-Qur'an dan hadis-hadis maka barang-barang curian adalah terikat kepada syarat-syarat berikut:

1. Hendaklah merupakan barang yang bersifat harta.
2. Mencukupi kadar nisab.
3. Berada dalam kawalan, dan
4. Tanpa kesamaran milik.

Dengan yang demikian menunjukkan bahawa kedudukan hukum Islam amat jelas dan tepat dengan kehendak keadilan sejagat.

#### NOTA

1. 'Abdul Qadir 'Audah, *al-Tashri' al-Jinai al-Islami, Muqaranan Bi al-Qanun al-Wadi'i*, juzu' 2, hlm. 543.
2. Ibn Qudamah, *al-Mughni*, juzu' 9, hlm. 108.
3. Ibn Rushd, *Bidayah al-Mujahid wa Nihayah al-Muqtasid*, juzu' 2, hlm. 373, al-Sayuti Jalaluddin 'Abdul Rahman al-Sayuti, *al-Asbah wa al-Nazar*, (Qahirah, Dar Ihya' al-Kutub al-Arabiyyah 'Isa al-Babi al-Halabi wa Shurakahu, tanpa tarikh), hlm. 354.
4. Lihat hlm. 1 & 2.
5. al-Mal al-Mutaqawwam bererti harta bernilai. Lihat al-Samarqandi, *Tuhfah al-Fiqaha'*, juzu' 3, hlm. 234.
6. Al-Mal al-Muhtaram bererti harta terhormat (bernilai pada diri seseorang). Lihat Abu Yahya Zakaria al-Ansari, *Asna al-Matalib*, juzu' 4, hlm. 139; al-Buhuti, *Kashshaf al-Qina'*, juzu' 6, hlm. 139; al-Buhuti, *Kashshaf al-Qina'*, juzu'

- 6, hlm. 129; Abdul Qadir <sup>c</sup>Audah, *al-Tashrif al-Jinai al-Islami Muqaranan Bi al-Qanun al-Wad'i*, juzu' 2, hlm. 544.
7. Malun Lahu Qimah, wa Malun Lausalahu Qimah bererti harta yang ada nilai, dan harta yang tidak ada nilai. Ibn Hazm, *al-Muhalla*, juzu' 11, hlm. 334.
8. Lihat hlm. 14
9. <sup>c</sup>Abdul Qadir <sup>c</sup>Audah, *al-Tashrif al-Jinai al-Islami*, juzu' 2, hlm. 542.
10. Al-Kasani, *Bada'i<sup>c</sup> al-Sanai<sup>c</sup>*, juzu' 9, hlm. 4228.
11. Lihat Ibn Hajar, *Fath al-Bari*, juzu' 15, hlm. 111.
12. Ibn al-Human, *Sharh Fath al-Qadir*, juzu' 4, hlm. 227. Hadis ini disebut juga di dalam Mukhtasar Sunan Abi Dawud yang maksudnya ialah: 'Orang-orang Islam berkongsi pada tiga perkara itu rumput, air dan api'
- Lihat al-Hafiz al-Mundhiri, <sup>c</sup>Abd al-<sup>c</sup>Azim bin <sup>c</sup>Abd al-Qawi bin <sup>c</sup>Abdullahj bin Salamah bin Sa<sup>c</sup>d, *Mukhtasar Sunan Abi Dawud*, ed. Ahmad Muhammad Shakir wa Muhammad Hamid al-Fiqqi, juzu' 5, (Beirut, Dar al-Ma<sup>c</sup>rifah Li al-Tiba<sup>c</sup>ah wa al-Nashr, tahun 1400H), hlm. 123.
13. Al-Kasani, *Bada'i<sup>c</sup> al-Sanai<sup>c</sup>*, juzu' 9, hlm. 4229.
14. <sup>c</sup>Urus bermakna perkara yang sudah diketahui umum dan telah menjadi amalan mereka. Apabila disebut lafaz perkataan itu semua orang mengetahuinya. Lihat Muhammad al-Sayyid Ghannim al-Ihsan, *Qawa<sup>c</sup>id al-Fiqh*, (Dacca, zeeco Press, tanpa tarikh), hlm. 337.
15. Lihat al-Mawardi, Abu Hassan <sup>c</sup>Ali bin Muhammad bin Habib, *al-Ahkam al-Sultaniyyah wal al-Wilayat al-Diniyyah*, (cetakan kedua, Sharikah Maktabah wa Matba<sup>c</sup>ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Auladuh, tahun 1386/1966), hlm. 226; Ibn Qudamah, *al-Muqni*, juzu' 9, hlm. 109; Abu Yahya Zakaria Al-Ansari al-Shafi'i, *Asna al-Matalib*, juzu' 4, (Mesir, al-Maktabah al-Islamiyyah, tanpa tarikh), hlm. 141.
16. Ibn al-Humam, *Sharh Fath al-Qadir*, juzu' 4, hlm. 227.
17. Al-Shaukani, *Nail al-Autar*, juzu' 7, hlm. 143.
18. *Qiyas* bermakna menentukan hukum bagi sesuatu perkara yang tidak ada nas Syarak berdasarkan nas hukum bagi suatu perkara yang lain dengan sebab ada persamaan sebabnya. Lihat <sup>c</sup>Abbas Mutwalli, *Usul al-Fiqh*, hlm. 144–145.
19. <sup>c</sup>Abdul <sup>c</sup>Azim Sharifuddin, *al-<sup>c</sup>Uqubah al-Muqaddarah li Maslahah al-Muytama<sup>c</sup> al-Islami*, hlm. 254.
20. Al-Kasani, *Bada'i<sup>c</sup> al-Sanai<sup>c</sup>*, juzu' 9, hlm. 4232.
21. Ibid., hlm. 4233.
22. Ibid., hlm. 4228.
23. Al-Kasani, *Bada'i<sup>c</sup> al-Sanai<sup>c</sup>*, juzu' 9, hlm. 4232. Mengenai buah-buahan yang disimpan itu mengikut <sup>c</sup>Urus dan keadaan masyarakat masa itu bahawa buah-buahan yang dimasukkan ke dalam tempat simpanan adalah buah-buahan yang kering. Lihat juga Ibn al-Humam, *Sharh Fath Al-Qadir*, juzu' 4, hlm. 228.
24. Ibid., hlm. 4233, al-Samarqandi, *Tuhfah al-Fuqaha*, juzu' 3, hlm. 241. Mengenai tempoh masa satu tahun dirujuk kepada hukum *luqatah* (barang-barang berharga yang tercincir). Sebab barang-barang itu sekiranya lebih daripada 10 dirham nilainya hendaklah diisyithar kepada umum bagi tempoh masa satu tahun (lihat Ibn al-Human, *Sharh Fath al-Qadir*, juzu' 4, hlm. 425). Jadi barang-barang luqatah itu juga hendaklah daripada jenis barang yang boleh disimpan untuk jangkamasa satu tahun. Maka dalam kes curi yang nisabnya juga 10 dirham hendaklah daripada jenis harta yang boleh disimpan untuk jangkamasa satu tahun.
25. Abu Zakaria, Al-Ansari, *Asna al-Matalib* juzu' 4, hlm. 139; Sahnun bin Sa<sup>c</sup>id al-Tannukhi, *al-Mudawwanah al-Kubra*, juzu' 16, (Mesir, Matba<sup>c</sup>ah al-Sa<sup>c</sup>adah, tanpa tarikh, hlm. 277; Ibn Qudamah, *al-Muqni*, juzu' 9, hlm. 110.

26. Abu Zakaria, al-Ansari, *Asna al-Matalib*, juzu' 4, hlm. 139; Sahnun bin Sa'id al-Tannukhi, *al-Mudawwanah al-Kubra*, juzu' 16, (Mesir, Matba'ah al-Sa'ah, tanpa tarikh, hlm. 227; Ibn Qudamah, *al-Muqhnī*, juzu' 9, hlm. 110.
27. Al-Kasani, *Bada'i' al-Sanā'i'*, juzu' 9, hlm. 4231.
28. Al-Kasani, *Bada'i' al-Sanā'i'*, juzu' 9, hlm. 4231.
29. Abu Yahya Zakaria al-Ansari, *al-Asna al-Matalib*, juzu' 4, hlm. 141.
30. Ibid., hlm. 141.
31. Al-Masanī, *Bada'i' al-Sanā'i'*, juzu' 9, hlm. 4231; Ibn Qudamah, *al-Muqhnī*, juzu' 9, hlm. 110, Sahnun, *al-Mudawwanah al-Kubra*, juzu' 15, hlm. 227.
32. Ibn Qudamah, *al-Muqhnī*, juzu' 9, hlm. 132; al-Kasani, *Bada'i' al-Sanā'i'*, juzu' 9, hlm. 4234; al-Ramli, *Nihayah al-Muhtaj*, juzu' 7, hlm. 442; al-Sharbini al-Khatib, *Muqhnī al-Muhtaj*, juzu' 4, hlm. 160.
33. Ibn Qudamah, *al-Muqhnī*, juzu' 9, hlm. 150
34. Ibid., hlm. 132.
35. Pengertian 'uruf, lihat nota no. 14.
36. Ibn Qudamah, *al-Muqhnī*, juzu' 9, hlm. 111.
37. Al-Kasani, *Bada'i' al-Sanā'i'*, juzu' 9, hlm. 4242; al-Samarqandi, *Tuhfah al-Fugaha'*, juzu' 3, hlm. 237.
38. Al-Kasani, *Bada'i' al-Sanā'i'*, juzu' 9, hlm. 4242; al-Samarqandi, *Tuhfah al-Fugaha'*, juzu' 3, hlm. 237.
39. Ibn Qudamah, *al-Muqhnī*, juzu' 9, hlm. 107; al-Kasani, *Bada'i' al-Sanā'i'*, juzu' 9, hlm. 4229.
40. Ibid. Lihat juga al-Zarqani, Muhammad al-Zarqani, *Sharḥ al-Zarqānī*, juzu' 4, (Qahirah, Maktabah wa Matba'ah al-Mashhad al-Husaini, tanpa tarikh), hlm. 152.
41. 'Abdul Fattah Muhammad Abu al-'Ainain, *al-Sariqah al-Mujibah Li al-Qat' Fi al-Fiqh al-Islami*, Mesir, Matba'ah al-Amanah, tahun 1402H/1983M, hlm. 98.
42. Ibid., hlm. 108.
43. Surah al-Maidah, 5: 33.
44. Ibn Qudamah, *al-Muqhnī*, juzu' 9, hlm. 108; al-Sharbini al-Khatib, *Muqhnī al-Muhtaj*, juzu' 4, hlm. 164; al-Kasani, *Bada'i' al-Sanā'i'*, juzu' 9, hlm. 4229.
45. Ibid.
46. Ibn Qudamah, *al-Muqhnī*, juzu' 9, hlm. 105; al-Kasani, *Bada'i' al-Sanā'i'*, juzu' 9, hlm. 4250; Ibn Rushd, *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*, juzu' 2, hlm. 370.
47. Lihat Surah al-Maidah, 5: 38.
48. Ini adalah menurut al-'Amash, al-Shaukani, *Nail al-Autar*, juzu' 7, hlm. 140, lihat juga Ibn Qudamah, *al-Muqhnī*, juzu' 9, hlm. 105.
49. Lihat al-Kasani, *Bada'i' al-Sanā'i'*, juzu' 9, hlm. 4105.
50. Lihat Muslim, *Sahih Muslim bi Sharḥ al-Nawawi*, juzu' 11, (Mesir, al-Matba'ah al-Masriyyah wa Maktabatuhu, tanpa tarikh), hlm. 185.
51. Lihat Muslim, *Sahih Muslim bi Sharḥ al-Nawawi*, juzu' 11, (Mesir, al-Matba'ah al-Masriyyah wa Maktabatuhu tanpa tarikh), hlm. 182, dan hadis-hadis lain yang berkenaan dapat dilihat di halaman
52. Lihat al-Kasani, *Bada'i' al-Sanā'i'*, juzu' 9, hlm. 4241; al-Shaukani *Nail al-Autar*, juzu' 7, hlm. 141.
53. Lihat Muslim, *Sahih Muslim*, juzu' 11, hlm. 182.
54. Lihat Muslim, *Sahih Muslim*, juzu' 11, hlm. 182.
55. Al-Shaukani, *Nail al-Autar*, juzu' 7, hlm. 141.
56. Abu Dawud, *Sunan Abi Dawud*, juzu' 2, hlm. 246.
61. Hadis Mu'an'an ialah hadis yang terdapat dalam sanadnya diriwayakan oleh seorang daripada seorang yang lain (fulanun 'an fulanin). Hadis ini kadang-kadang dikira sebagai Hadis 'mursal' (iaitu Hadis yang terjatuh sahabi dari

pada sanadnya) seperti kata atau Nafī Rasulullah s.a.w. bersabda · ‘Hendaklah kamu lakukan begini atau sebagainya’ Hadis mu‘an‘an juga boleh dikategorikan ke dalam Hadis ‘Muttsil’ (iaitu hadis yang sanadnya kadang-kadang bersambung terus hingga sampai kepada Rasulullah s.a.w. (marfu‘ dan kadang-kadang sanadnya sampai kepada sahabat sahaja (mauquf).

Jumhur ‘ulamak mengatakan hadis ini boleh menjadi hadis ‘muttsil dengan dua syarat: (a) Antara seorang perawi dengan seorang perawi telah bertemu dan mengambil sendiri hadis yang diriwayatkan itu, dan (b) Perawi hadis (iaitu hadis Mu‘an‘an) ialah seorang yang boleh dipercayai (iaitu ada thiqah). Lihat Muhammad Jamaluddin al-Qasimi, *Qawa'id al-Tahdith Min Funun Mustalah al-Hadith*, (cetakan pertama, Beirut: Dar al-'Ilmiyyah, tahun 1399H/1979M), hlm. 123 dan 133.

62. Lihat nota kaki no. 53 pada hlm.
63. Al-Shaukani, *Nail al-Autar*, juzu' 7, hlm. 141.
64. Al-Kasani, *Bada'i al-Sana'i*, juzu' 9, hlm. 4255.
65. Lihat Ibn Qudamah, *al-Mughni*, juzu' 9, hlm. 129.
66. Al-Shafi'i, al-Um, juzu' 6, hlm. 124; Sahnun, *al-Mudawwanah al-Kubra*, juzu' 15, hlm. 281; Ibn Qudamah, *al-Mughni*, juzu' 9, hlm. 129.
67. Al-Kasani, *Bada'i al-Sana'i*, juzu' 9, hlm. 4255.
68. Lihat hlm. 7.
69. Ini sebagaimana yang difahamkan daripada sebuah hadis di mana Safwan Ibn ‘Umayyah pada suatu masa selepas ia mengerjakan tawaf di Ka‘bah dan mengerjakan sembahyang, ia tidur dengan meletakkan kain serbanya di bawah kepalanya sebagai bantal. Tiba-tiba seorang pencuri datang lalu mencuri kain serban itu, Safwan terkejut juga lalu mengejar dan menangkap pencuri itu, kemudian membawanya menghadap Rasulullah s.a.w. serta menerangkan kejadian yang berlaku, maka Rasulullah s.a.w. bertanya lelaki itu: “Adakah kamu mencuri kainnya” Jawab lelaki itu: “Ya”, lalu Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud: “Bawalah dia (pencuri) dan potonglah tangannya” Jadi hadis ini dengan jelas menunjukkan bahawa kain yang berada di bawah kepala Safwan itu dikatakan berada di dalam hirznya. Lihat al-Nassai, *Sunan al-Nassai*, juzu' 8, hlm. 69.
70. Ibn Rushd, *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*, juzu' 2, hlm. 373.
71. Ibn Qudamah, *al-Mughni*, juzu' 9, hlm. 111; al-Kasani, *Bada'i al-Sana'i*, juzu' 9, hlm. 4242; ‘Alaaddin al-Samarqandi, *Tuhfah al-Fuqaha*; juzu' 3, hlm. 237.
72. Al-Ramli, *Nihayah al-Muhtaj*, juzu' 7, hlm. 448.
73. Ibn Qudamah, *al-Mughni*, juzu' 9, hlm. 11.
74. Para ulamak ialah ‘Ata’, al-Sha‘bi, Abu al-Aswad al-Duali, ‘Umar Ibn ‘Abdul ‘Aziz, al-Zuhri, ‘Amr Ibn Dinar, al-Thauri, Malik, al-Shafi'i dan al-Kasani (daripada mazhab Hanafi). Lihat Ibn Qudamah, *al-Mughni*, juzu' 9, hlm. 110; Ibn Rushd, *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*, juzu' 2, hlm. 372; al-Kasani, *Bada'i al-Sana'i*, juzu' 9, hlm. 4242.
75. Para ulamak ini terdiri daripada golongan Zahiriyyah di antara mereka termasuk Ahmad, Ishaq, Zufar dan Khawarij dan termasuk juga sekumpulan daripada ahli-ahli hadis dan Abu ‘Ubaidillah (daripada ulamak Mu‘tazilah). Lihat Ibn Rushd, *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*, juzu' 2, hlm. 372; Ibn Hajar, *Fath al-Bari*, juzu' 15, hlm. 116; al-Shaukani, *Nail al-Autar*, juzu' 7, hlm. 145 dan Ibn Hazm, *al-Muhalla*, juzu' 11, hlm. 321.
76. Ayat al-Qur'an yang dimaksudkan itu ialah firman Allah yang bermaksud: ‘Dan pencuri lelaki atau pencuri perempuan, hendaklah kamu potong tangan mereka kedua’ Lihat Surah al-Maidah, 5: 38.
77. Lihat Ibn Rushd, *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*, juzu' 2, hlm. 372.
78. Lihat al-Shaukani, *Nail al-Autar*, juzu' 7, hlm. 143.

79. Abu Dawud, Sulaiman bin Ash'ath Abu Dawud al-Sajistani, *Sunan Abi Dawud*, juzu' 2, hlm. 247 (Lihat hlm.
80. Ibn Qudamah, *al-Mughni*, juzu' 9, hlm. 110.
81. Al-Kasani, *Bada'i al-Sana'i*, juzu' 9, hlm. 4243.
82. Tiap-tiap perbuatan yang berupa "maksiat" yang tidak ditentukan hukumannya oleh Allah dihukum dengan hukuman ta'zir.
83. Lihat al-Kasani, *Bada'i al-Sana'i*, juzu' 9, hlm. 4223. Pendapat ini berdasarkan amalan para sahabat Rasulullah s.a.w. seperti berikut: (i) Daripada Ibn Juraij daripada riwayat Sulaiman bin Musa Bahawa 'Uthman bin 'Affan telah tidak menjatuhkan hukuman potong tangan pencuri yang belum mengeluarkan sesuatu dari tempat simpanan barang-barang itu, walau pun ia telah mengumpul barang-barang itu dengan tujuan hendak mencurinya. Lihat Ibn Hazm, Abu Muhammad 'Ali bin Ahmad Sa'id bin Hazm, *al-Muhalla*, juzu' 11 (Beirut: al-Maktabah al-Tijari li al-Tiba'ah wa al-Nashr wa al-Tauzi', tanpa tarikh), hlm. 320. (ii) Ibn 'Umar menyatakan kepada al-Zubair yang telah menjatuhkan hukuman potong ke atas seorang pencuri dengan kata-kanya: 'Tidak boleh dikenakan hukuman potong ke atas mana-mana pencuri melainkan setelah pencuri itu berjaya mengeluarkan barang-barang curianya dari rumah (tempat simpanan) dan apa pandangan kamu terhadap seorang lelaki yang sudah berada di antara dua peha perempuan tetapi belum lagi berzina, apakah kamu akan menjatuhkan hukuman *hudud* ke atas lelaki itu? Jawab Ibn al-Zubair, 'Tidak', tambah Ibn 'Umar lagi, 2 itulah yang sebenarnya, moga-moga pencuri itu bertaubat dan meninggalkan barang-barang curianya. Lihat Ibn Hazm, *al-Muhalla*, hlm. 320.
84. Al-Sharbani al-Khatib, *Mughni al-Muhtaj*, juzu' 4, hlm. 172.
85. 85
86. Ibid., lihat juga Sahnun, *al-Mudawwanah al-Kubra*, juzu' 15, hlm. 626.
87. Al-Sharbini al-Khatib, *Mughni al-Muhtaj*, juzu' 4, hlm. 172.
88. 'Abdul Qadir 'Audah, *al-Tashri'i al-Jinai Fi al-Fiqh al-Islami Muqaranan Bi al-Qanun al-Wadi'i*, juzu' 2, hlm. 518.
89. Al-Kasani, *Bada'i al-Sana'i*, juzu' 9, hlm. 4226.
90. Lihat pengertian qiyas pada hlm. 9.
91. Istihsan ialah suatu kaedah yang menolak qiyas dan menentukan hukum mengikut kesesuaian dengan keadaan manusia. (Ini dalam hal-hal yang tidak ada dalil daripada al-Qur'an dan al-hadith serta *ijma'*. Lihat al-Jurjani, 'Ali bin Muhammad al-Jurjani, *Kitab al-Ta'rifat*, (Mesir, al-Matba'ah al-Wahabiyyah, tanpa tarikh), hlm. 11. Kaedah *istihsan* ini dipakai dalam mazhab Hanafi dan Fuqaha' yang lain seperti Imam Malik dan Ahmad Ibn Hanbal. Lihat 'Abbas Mutwalli, *Usul al-Fiqh*, hlm. 20.
93. Al-Kasani, *Bada'i al-Sana'i*, juzu' 9, hlm. 4226.
94. Ibn al-Human, *Sharh Fath al-Qadir*, juzu' 4, hlm. 140.
95. Al-Sharbini al-Khatib, *Mughni al-Muhtaj*, juzu' 4, hlm. 161.
96. Hibah ialah memberi hakmilik kepada seseorang tanpa tukaran. Lihat al-Jurjani 'Ali bin Muhammad al-Jurjani, *Kitab al-Ta'rifat*, (Mesir, al-Matba'ah al-Wahabiyyah, hlm. 173).
97. Al-Sharbani al-Khatib, *Mughni al-Muhtaj*, juzu' 4, hlm. 161.
98. Lihat al-Shafi'i Abdul Rahman al-Saiyid 'Iwad, *al-Sariqah Bain al-Tayrim wa al-Uzubah Fi al-Shari'ah al-Islamiyyah*, hlm. 76, al-Shirazi, al-Muhadhab, juzu' 2, hlm. 281; al-Dasuqi, Hashiyah al-Dasuqi, juzu' 4, hlm. 336; Ibn Rushd, *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*, juzu' 2, hlm. 373; al-Kasani, *Bada'i al-Sana'i*, juzu' 9, hlm. 4234.
99. Lihat al-Shaukani, *Nail al-Autar*, juzu' 7, hlm. 118.
100. Lihat Ibn Hazm, *al-Muhalla*, juzu' 7, hlm. 153.

101. Surah al-Baqarah, 2: 229.
102. Ibn Majah, Abu 'Abdullah Muhammad bin Yazid al-Qazwini *Sunan Ibn Majah*, juzu' 2, hlm. 1297.
103. Al-Sharbini al-Khatib, *Mughni al-Muhtaj*, juzu' 4, hlm. 161; 'Abdul Qadir 'Audah, *al-Tashrif al-Jinai al-Islami Muqarinan bi al-Qanun al-Wadfi*, juzu' 2, hlm. 590; al-Kasani, *Bada'i al-Sanai*, juzu' 9, hlm. 4235.
104. Ibid.
105. Al-Shaukani, *Nail al-Autar*, juzu' 6, hlm. 14; Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*, juzu' 2, hlm. 769.
106. Ibid.
107. Lihat Ibn Qudamah, *al-Mughni*, juzu' 9, hlm. 134; al-Shirazi al-Muhadhab, juzu' 2, hlm. 281; Ibn al-Humam, *Sharh Fath al-Qadir*, juzu' 4, hlm. 238.
108. Ibn Qudamah, *al-Mughni*, juzu' 9, hlm. 135.
109. Ibn al-Humam, *Sharh Fath al-Qadir*, juzu' 4, hlm. 238.
110. Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*, juzu' 2, hlm. 769.
111. Al-Kasan, *Bada'i al-Sanai*, juzu' 9, hlm. 4248.
112. Al-Sharbini al-Khatib, *Mughni al-Muhtaj*, juzu' 4, hlm. 162; Abu Yahya Zakaria al-Ansari, *Asna al-Matalib*, juzu' 4, hlm. 141.
113. Ibid., hlm. 163; Ibn Majah *Sunan Ibn Majah*, juzu' 2, hlm. 769; Ibn Qudamah, *al-Mughni*, juzu' 9, hlm. 139.
114. Al-Sharbini, *Mughni al-Muhtaj*, juzu' 4, hlm. 163; Ibn Majah *Sunan Ibn Majah*, juzu' 2, hlm. 769; Ibn Qudamah, *al-Mughni*, juzu' 9, hlm. 139.
115. Al-Ramli, *Nihayah al-Muhtaj Ila Sharh al-Minhaj*, juzu' 7, hlm. 447.
116. Al-Sharbini, *al-Mughni al-Muhtaj*, juzu' 4, hlm. 163; Ibn Qudamah, *al-Mughni*, juzu' 9, hlm. 135; Ibn al-Humam, *Sharh Fath al-Qadir*, juzu' 4, hlm. 235.
117. Ibid.
118. Al-Sharbini al-Khatib, *Mughni al-Muhtaj*, juzu' 4, hlm. 163; Ibn Qudamah, *al-Mughni*, juzu' 9, hlm. 136.
119. Sahnun, *al-Mudawwanah al-Kubra*, juzu' 16, hlm. 295; Ibn Humam, *Sharh Fath al-Qadir*, juzu' 4, hlm. 235.
120. Ibn Qudamah, *al-Mughni*, juzu' 9, hlm. 136; Ibn al-Humam, *Sharh Fath al-Qadir*, juzu' 4, hlm. 235.
121. Ibid.
122. 'Abdul 'Aziz 'Amir, *al-Ta'zir Fi al-Shari'ah al-Islamiyyah*, (Mesir, cetakan ke-lima, Dar al-Hamami Li al-Tiba'ah, tahun 1396H/1976M), hlm. 262.
123. Lihat sebelum ini, hlm.
124. Surah al-Najm, 53: 39.
125. Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*, juzu' 2, hlm. 769.
126. Al-Sharbini al-Khatib, *Mughni al-Muhtaj*, juzu' 4, hlm. 456; Ibn Qudamah, *al-Mughni*, juzu' 9, hlm. 46.
127. Ibn Qudamah, *al-Mughni*, juzu' 9, hlm. 137.
128. Ibid.
129. Ibn al-Humam, *Sharh Fath al-Qadir*, juzu' 4, hlm. 258.
130. Sanun, *al-Mudawwanah al-Kubra*, juzu' 5, hlm. 293.
131. Muhammad Abu Zahrah, *al-Jarimah wa al-'Uqabah Fi al-Fiqh al-Islami (al-'Uqabah)*, (Mesir, Dar al-Fikr al-'Arabi, tahun 1974M), hlm. 71.

